



## SOALAN -SOALAN LAZIM

# PENEBUSAN DAN KREDIT KEPELBAGAIAN BIOLOGI

Pada hari ini, penebusan dan kredit kepelbagaian biologi (atau kredit biodiversiti atau biokredit) sering dipromosikan sebagai sebuah mekanisme untuk menyalurkan sumber-sumber kewangan untuk perlindungan kepelbagaian biologi. Namun begitu, pada masa yang sama, semakin banyak juga bukti diperolehi untuk menunjukkan bahawa penebusan kredit kepelbagaian biologi, yang dimodelkan berdasarkan penebusan karbon, amat bermasalah, kerana ia mengakibatkan kemudaratan sosial dan alam sekitar. Jelasnya, sistem biokredit ini tidak mungkin berkesan untuk memberikan perlindungan ekosistem atau mengumpul dana tambahan yang diharapkan, bagi tujuan membiayai pemuliharaan kepelbagaian biologi.

Sebuah kenyataan bersama pertubuhan masyarakat sivil telah pun menggariskan beberapa kebimbangan mereka mengenai mekanisme ini dan menyeru supaya promosi, pembangunan dan penggunaan skim penebusan dan kredit kepelbagaian biologi ini segera dihentikan. Antara kebimbangan-kebimbangan mereka termasuklah *greenwashing*, yakni mekanisme ini akan digunakan untuk mengaburi mata pihak awam dengan imej 'hijau'; menggalakkan lagi pelanggaran hak-hak asasi manusia, konflik hak pegangan tanah, rampasan hak tanah, perpindahan paksa komuniti; dan memberikan kesan buruk terhadap integriti ekosistem dan kedaulatan makanan. Pada masa yang sama, penyelesaian pasaran bebas ini akan terus gagal, sementara komuniti pula

langsung tidak akan menerima atau menerima sedikit sahaja, sebarang habuan yang dicetuskan oleh mekanisme ini. Dari menggunakan penyelesaian palsu seperti ini untuk menangani krisis kemusnahan kepelbagaian biologi, apa yang perlu diutamakan sebenarnya kita mengutamakan perubahan yang dapat menghasilkan transformasi dalam usaha kita menangani punca-punca utama kemusnahan kepelbagaian biologi.

Oleh itu, berikut adalah beberapa soalan-soalan lazim yang bertujuan menerangkan dengan lebih lanjut konsep, andaian dan ciri-ciri utama penebusan dan kredit kepelbagaian biologi.

# APAKAH PENEBUSAN KEPELBAGAIAN BIOLOGI?

01

Penebusan kepelbagaian biologi merupakan sebuah mekanisme penebusan kepelbagaian biologi yang direka untuk memberikan 'pampasan' terhadap kesan-kesan buruk ke atas spesies dan kemusnahan habitat, samada di daratan, pesisiran pantai atau lautan, di sebuah lokasi dalam sebuah jangka waktu yang tertentu, yang kononnya tidak dapat dielakkan. Penebusan ini dilakukan melalui sekumpulan tindakan pemuliharaan atau pemulihan alam di sesebuah kawasan, yang dikira setara dengan tahap kemusnahan yang berlaku di kawasan yang lain, sebagai ganti rugi untuk menebus terhadap kemusnahan yang berlaku.

Terdapat dua kaedah alternatif untuk melakukan penebusan ini. Kaedah pertama ialah melalui perlaksanaan sekumpulan tindakan pemuliharaan alam di sesebuah kawasan, yang bertujuan menebus kehilangan sesebuah kawasan lain yang kaya dengan kepelbagaian biologi, dengan dakwaan bahawa kawasan pertama tersebut juga berpotensi untuk menjadi terancam, namun kini ia akan dicegah daripada mengalami sebarang kemerosotan. Kaedah penebusan ini seringkali dikenali sebagai "kehilangan yang dielakkan" untuk kepelbagaian biologi.


Kaedah kedua pula ialah penebusan melalui pemulihan habitat di sesebuah kawasan, yang didakwa mampu

memulihkan kerosakan ekosistemnya yang telah merosot, sehingga ia mencapai tahap kepelbagaian biologi yang serupa dengan ukurannya dengan sebuah kawasan lain yang telah dimusnahkan. Namun, untuk kaedah ini, pemantauan biasanya terhad kepada sebilangan kecil spesies dan ciri-ciri sesebuah habitat itu sahaja. Tambahan pula, tiada satu kes pun yang diketahui, di mana sesebuah ekosistem itu benar-benar dapat dipulihkan ke tahap yang hampir menyerupai keadaan asalnya, khususnya dalam kes hutan dara.

Hasil yang diharapkan daripada tindakan-tindakan ini kemudiannya akan diukur semasa pelaksanaan projek-projek penebusan ini, dan kemudiannya akan diterjemahkan kepada unit yang boleh diniagakan, yang dikenali sebagai kredit.

Namun, pendekatan seperti ini mengabaikan kompleksiti ekosistem, kepelbagaian nilai alam semula jadi, sumbangan alam terhadap manusia serta keunikan setiap ciri dan fungsi ekosistem itu sendiri. Ciri-ciri ini sememangnya tidak boleh digantikan antara satu sama lain. Justeru itu, usaha untuk menebus kemusnahan kepelbagaian biologi melalui cara ini adalah pada dasarnya, salah.

## PENEBUSAN KEPELBAGAIAN BIOLOGI DAN CARA IA BERFUNGSI



## APAKAH KREDIT KEPELBAGAIAN BIOLOGI?

02

Kredit kepelbagaian biologi ialah sejenis sijil kewangan yang dianggap mewakili sejumlah spesies dan habitat tertentu, yang kononnya telah diselamatkan daripada kemusnahan, atau telah dipulihkan oleh pemilik tanah atau pemaju projek. Kredit ini kemudiannya boleh dinilai dan dijual kepada sesebuah pertubuhan atau individu, biasanya bagi tujuan penebusan sebuah kemusnahan kepelbagaian biologi.

Penggunaan lain kredit ini termasuklah pembelian secara sukarela oleh pihak individu, syarikat swasta dan yayasan dermawan, bagi tujuan yang bertujuan melindungi kepelbagaian biologi atau memperbaiki reputasi mereka. Pembelian kredit kepelbagaian biologi dilihat sebagai salah satu cara bagi pelaku sektor swasta menjana lebih banyak dana untuk membiayai pemuliharaan kepelbagaian biologi.

Kredit kepelbagaian biologi juga kadangkala disebut sebagai sijil biodiversiti atau kredit alam semula jadi, namun tiada perbezaan yang ketara antara istilah-istilah ini.

## APAKAH PERBEZAAN ANTARA ISTILAH PNEBUSAN KEPELBAGAIAN BIOLOGI DAN KREDIT KEPELBAGAIAN BIOLOGI?

03

Istilah “penebusan” merujuk kepada salah satu kegunaan kredit kepelbagaian biologi, dan salah satu dakwaan yang boleh digunakan apabila satu-satu pihak itu membeli kredit tersebut: sesiapa yang membeli kredit boleh mendakwa bahawa mereka telah menebus kemusnahan di tempat lain pada masa yang berbeza.

Namun begitu, berdasarkan pengalaman dengan kredit karbon pula,<sup>1</sup> kita dapat menjangka bahawa hampir semua bentuk penggunaan kredit kepelbagaian biologi ini akhirnya akan digunakan untuk penebusan kepelbagaian biologi.

## APAKAH PERBEZAAN ANTARA PNEBUSAN/ KREDIT KEPELBAGAIAN BIOLOGI DAN PNEBUSAN PELEPASAN/ KREDIT KARBON?

04

Penebusan karbon merujuk kepada tindakan yang dianggap dapat mengelak atau menyimpan pelepasan gas rumah hijau, manakala penebusan kepelbagaian biologi pula merujuk kepada tindakan yang dianggap dapat mengelakkan kemusnahan habitat yang kaya dengan kepelbagaian biologi atau kemusnahan spesies; atau usaha memulih dan menciptakan kembali unsur-unsur tersebut.

Jika kredit/penebusan karbon meringkaskan enam jenis utama gas rumah hijau utama kepada satu satu unit tunggal sahaja, maka kredit/penebusan kepelbagaian biologi pula pula meringkaskan kewujudan berjuta-juta spesies dan interaksi kompleks mereka dengan habitat masing-masing kepada beberapa jenis unit yang berlainan sahaja. Jelasnya, kesimpulan ini merupakan sebuah khayalan yang lebih teruk lagi.

<sup>1</sup> <https://greenfinanceobservatory.org/wp-content/uploads/2023/11/Verra-consultation-v6.5.pdf>

## **BAGAIMANAKAH PASARAN KEPELBAGAIAN BIOLOGI BERFUNGSI?**

05

Terdapat beberapa jenis pasaran kepelbagaian biologi yang berbeza dan setiap jenis pasaran mempunyai ciri-ciri yang berbeza. Namun begitu, secara amnya, fungsinya adalah untuk membantu pemaju projek swasta melaksanakan tindakan pemuliharaan atau pemulihan alam di lokasi tertentu. Selepas itu, juruaudit pihak ketiga pula akan menilai projek tersebut serta kesannya berdasarkan sebuah piawaian pensijilan. Piawaian ini mungkin dibangunkan oleh industri penebusan itu sendiri, atau oleh sebuah forum, atau peraturan kerajaan. Juruaudit biasanya dipilih dan dibayar oleh pemaju projek. Setelah projek diperakukan sah, pemaju akan dibenarkan mengeluarkan dan menjual kredit

kepelbagaian biologi dalam kuantiti yang berpadanan.

Individu, syarikat swasta, institusi kewangan atau kerajaan boleh membeli kredit tersebut atas pelbagai sebab seperti yang dinyatakan sebelum ini, dengan penggunaan utama yang paling ketara adalah untuk tujuan penebusan sebuah kemusnahan atau kemerosotan habitat atau spesies.

Dalam sesetengah kes, kredit boleh dibeli dan dijual berkali-kali tanpa had, membolehkan kegiatan spekulasi oleh institusi kewangan terhadap harga masa depan sekumpulan kredit tersebut, dengan harapan mereka boleh memperoleh keuntungan kewangan nanti.

## **SIAPA PARA PELAKU UTAMA PROSES INI? SIAPA YANG AKAN MENDAPATKAN MANFAAT?**

06

Syarikat swasta yang menjalankan aktiviti merosakkan alam sekitar akan mendapat manfaat paling besar daripada pasaran kredit kepelbagaian biologi. Mereka boleh menggunakan pasaran ini untuk membuat dakwaan palsu bahawa kemusnahan biologi yang mereka lakukan sedang ditangani. Walhal pada kenyataannya, aktiviti yang merosakkan kepelbagaian biologi akan terus berlaku. Pada masa yang sama, kewujudan pasaran ini akan mengalihkan perhatian daripada keperluan untuk melaksanakan tindakan-tindakan yang lebih tegas, seperti pelaksanaan peraturan alam sekitar yang lebih ketat, yang mampu mengehadkan aktiviti dan keuntungan syarikat-syarikat tersebut. Selain itu, mekanisme penebusan kepelbagaian biologi juga membolehkan sebuah syarikat yang bertanggungjawab ke atas kemusnahan alam untuk mengelak dari tanggungjawab mereka, dengan mendakwa bahawa mereka telah membayar pihak lain untuk mengambil tindakan pemulihan bagi pihak mereka. Sementara itu, banyak pihak perantara lain, seperti syarikat pensijilan, pertubuhan pemuliharaan antarabangsa, syarikat jururunding, bank dan dana pelaburan juga akan meraih manfaat besar melalui bayaran dan komisen yang dikenakan bagi perkhidmatan mereka untuk melaksanakan proses ini.

Sesetengah kerajaan juga boleh mendapat manfaat besar daripada pasaran ini, selagi ia berjaya menyembunyikan kegagalan politik mereka untuk menangani krisis kemusnahan kepelbagaian biologi. Sebaliknya, terdapat juga kerajaan negara dunia ketiga yang mungkin merasakan bahawa mereka terpaksa menerima skim-skim seperti ini kerana kekurangan bantuan geran alam sekitar

yang dapat membantu mencapai matlamat perlindungan kepelbagaian biologi mereka.

Masih belum jelas lagi setakat mana komuniti orang asal, pekebun dan penternak kecil dan pengeluar makanan berskala kecil lain serta komuniti tempatan akan mendapat manfaat daripada pasaran seperti ini: walaupun mungkin terdapat pendapatan tambahan kecil dalam sesetengah kes, pendapatan seperti amat tidak menentu, kerana ia bergantung kepada turun naik pasaran kewangan, dan juga terdedah kepada perubahan-perubahan pelbagai peraturan. Tambahan pula, individu atau syarikat yang digelar “koboi biodiversiti” berkemungkinan besar meraih keuntungan paling besar daripada kegiatan usaha penebusan mereka sendiri, di kawasan-kawasan di mana mereka sebenarnya tidak memiliki sebarang hak undang-undang ke atasnya. Setelah itu, segala keuntungan yang mereka perolehi dari tanah-tanah ini, tidak pula dikongsi bersama komuniti yang sebenarnya hidup dan melindungi kawasan tersebut. Selain itu, para pemilik hak tanah yang menyertai skim ini berkemungkinan besar hanya akan dapat menyaksikan tanah-tanah mereka dipergunakan selama berdekad-dekad lamanya, untuk tujuan yang tidak boleh lagi ditentukan oleh mereka sendiri. Ini akan menimbulkan risiko konflik terhadap pegangan hak dan hak kepenggunaan tanah, kawasan perikanan dan hutan. Ia juga sekaligus akan mengancam kedaulatan makanan dan kebebasan komuniti untuk menentukan hala tuju hidup mereka. Ia juga akan mendorong lagi perampasan tanah, pemindahan paksa komuniti, peningkatan ketidaksetaraan dalam kepemilikan tanah dan pelanggaran hak asasi manusia.



# KEPELBAGAIAN BIOLOGI, KARBON, APA LAGI?


07

Pemerdagangan alam semula jadi melalui penswastaan, pemerkasaan pasaran kewangan dan proses-proses berkaitan kini telah melangkaui isu karbon dan biodiversiti.

Contohnya, pemerdagangan alam semula jadi kini akan turut melibatkan pencemaran air. Dari menggubal undang-undang alam sekitar yang mewajibkan pengurangan pencemaran air, beberapa negara kini sedang mereka membentuk dan melaksanakan pasaran kewangan baharu yang memperdagangkan permit untuk mencemarkan sungai. Pasaran seperti ini, contohnya, telah dilancarkan di UK pada tahun 2023.

Selari dengan itu, pasaran bagi kredit plastik juga telah muncul baru-baru ini, dengan tujuan mengurangkan pencemaran plastik melalui mekanisme pasaran. Menjelang akhir tahun 2023, kira-kira 160 buah projek telah disenaraikan dalam daftar kredit plastik, kebanyakannya di negara-negara membangun.<sup>2</sup> Walaupun kredit plastik tidak bergantung kepada pemerdagangan alam semula jadi secara langsung, mekanisme ini tetap membolehkan syarikat dan kerajaan mengelak dari tanggungjawab mereka untuk menangani pencemaran plastik dengan mendakwa bahawa mereka telah menebus segala kesan buruk di tempat lain.

## ALAM SEMULAJADI DIBAHAGI- BAHAGIKAN SEPERTI BARANGAN YANG BOLEH DIPERDAGANGKAN



<sup>2</sup> Kredit Plastik sepiantas lalu, Bank Dunia:  
<https://thedocs.worldbank.org/en/doc/411ebaec936068e4bb62a0e40ebce522-0320072024/original/Product-Overview-Plastic-Credits-FINAL.pdf>

08

## LEBIH BAIK ADA DARIPADA TIADA

Penebusan kepelbagaian biologi membolehkan kemusnahan kepelbagaian biologi diteruskan, sambil mencipta khayalan bahawa kemusnahan kepelbagaian biologi dan kemerosotan habitat sedang ditangani. Dengan itu, ia menyembunyikan kegagalan kita mengambil tindakan berkesan yang sebenar. Pada dasarnya, ia juga akan menghalang sebuah gerakan besar rakyat yang menuntut tindakan yang berkesan diambil, dari terbentuk sama sekali. Oleh itu, ia sememangnya jauh lebih buruk dari kita tidak mengambil sebarang tindakan langsung pun.

Peraturan kerajaan sering mengutamakan apa yang dikenali sebagai “tingkatan mitigasi”, berbanding dengan arahan tegas yang melarang kemusnahan ekosistem. Sistem ini dibentuk berdasarkan prinsip bahawa jika sesuatu projek tidak dapat mengelak atau mengurangkan kerosakan, maka penebusan untuk kemusnahan ini boleh digunakan sebagai pilihan terakhir. Namun begitu, ini akhirnya akan menggalakkan lebih banyak projek untuk melupakan terus tindakan-tindakan yang dapat mengelak atau mengurangkan kerosakan, dan terus memilih proses penebusan, kerana ia lazimnya lebih murah dan tidak memerlukan kepakaran teknikal yang tinggi.

## APAKAH ALTERNATIF UNTUK MENYEDIAKAN SUMBER KEWANGAN UNTUK PERLINDUNGAN BIOLOGI?

09

Walaupun terdapatnya keperluan untuk mempertingkatkan peruntukan kewangan bagi perlindungan kepelbagaian biologi, daripada negara-negara kaya kepada negara-negara dunia ketiga, kewujudan jurang dana pembiayaan yang sering disebut-sebut setinggi USD 700 bilion,<sup>3</sup> tidak seharusnya dijadikan alasan untuk melaksanakan mekanisme pasaran seperti penebusan kepelbagaian biologi, kerana kesan negatifnya yang ketara.

Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sebenarnya telah mengenal pasti kewujudan sejumlah USD 1.7 trilion subsidi yang membahayakan alam sekitar.<sup>4</sup> Ia telah menetapkan sasaran bahawa sekurang-kurangnya USD 500 bilion dari jumlah ini perlu dialihkan setiap tahun. Ini menunjukkan bahawa negara-negara kaya sebenarnya mempunyai keupayaan untuk membiayai pemuliharaan dan pemulihan kepelbagaian biologi. Dan meskipun kita ingin mengalihkan modal milik swasta ke arah pemuliharaan alam, terdapat cara yang lebih mudah dan berkesan daripada mewujudkan pasaran seperti ini.

Pemberian pembiayaan kewangan untuk melindungi kepelbagaian biologi dalam bentuk geran, capaian langsung dan pembayaran berasaskan prestasi untuk usaha adaptasi perubahan iklim, khususnya dengan menyokong inisiatif serta sistem tadbir urus yang

diterajui oleh komuniti orang asal, merupakan antara kaedah yang paling berkesan, adil dan cekap untuk melindungi ekosistem dan kepelbagaian biologi. Pendekatan ini juga dapat mengelakkan kekeliruan serta mengelakkan kita daripada menghalalkan kredit kepelbagaian biologi yang boleh digunakan untuk proses penebusan alam.

Dalam kes pelanggaran peraturan alam sekitar atau berlakunya kerosakan terhadap alam, pihak yang bertanggungjawab harus menanggung kos kerosakan tersebut. Bayaran seperti ini juga boleh disalurkan terus kepada dana kepelbagaian biologi, yang seharusnya ditujukan untuk pemuliharaan alam tanpa ia digunakan untuk menjadi sebuah bentuk menjadi bentuk penebusan.

Tambahan lagi, untuk menghentikan kemusnahan alam, kita tidak boleh hanya bergantung kepada wang semata-mata. Usaha kita juga memerlukan kehendak politik, tadbir urus yang demokratik dan pelaksanaan tanggungjawab antarabangsa kita. Memastikan kerajaan dan sektor swasta mematuhi hak komuniti orang asal dan lain-lain pemegang hak, termasuklah para pemegang hak milik tanah, akan membantu mencegah kemusnahan kepelbagaian biologi biodiversiti dan pelanggaran hak asasi manusia yang berkaitan dengan perlindungan alam.



<sup>3</sup> Jumlah sebanyak USD\$700 bilion juga dipertikaikan: <https://www.cffacape.org/publications-blog/funding-gap-dangerous-nonsense>  
<sup>4</sup> Untuk maklumat lanjut: <https://www.unep.org/resources/state-finance-nature-2023>

# APAKAH CIRI-CIRI UTAMA PNEBUSAN DAN KREDIT KEPELBAGAIAN BIOLOGI? ADAKAH MERKA BERMASALAH?

10

**METRIK KEPELBAGAIAN BIOLOGI:** Walaupun pada masa ini, tiada sistem metrik untuk pengukuran kepelbagaian biologi yang telah diterima umum, kebanyakan kerangka projek yang wujud hari ini hanya bergantung kepada beberapa jenis metrik sahaja. Ini ternyata meringkaskan kekayaan spesies, ekosistem dan interaksi antara keduanya secara keterlaluan.

**PENGEKALAN:** Hasil alam daripada projek pemuliharaan/pemulihan alam mesti dijamin dapat mencapai kesetaraan dengan tahap kemusnahan yang ingin ditebus dalam satu tempoh yang tertentu. Namun, hal ini hampir mustahil dapat dicapai kerana wujudnya pelbagai cabaran politik, teknikal dan permasalahan lain.

**PENAMBAHAN:** Projek mesti membuktikan bahawa hasil positif terhadap alam yang dihasilkan tidak akan berlaku tanpa kewujudan projek itu sendiri. Namun begitu, kita sebenarnya hanya dapat menganggarkan kemungkinan dan kebarangkalian segala ramalan tentang apa yang boleh terjadi jika aktiviti penebusan sesebuah projek itu tidak dilaksanakan. Hal ini sebenarnya ini hanya boleh dinilai dari segi kebarangkalian dan anggaran sahaja, ia tidak akan dapat bukan dibuktikan secara mutlak.

**PENGIRAAN BERGANDA:** Kredit tidak boleh digunakan oleh beberapa pihak atau dihitung lebih daripada sekali, seperti dalam kes apabila kedua-dua pihak syarikat dan kerajaan ingin menuntut kredit yang sama bagi memenuhi matlamat alam sekitar mereka.

**“SEPERTI YANG SERUPA” DAN “SEPERTI YANG LEBIH BAIK”:** “Seperti yang serupa” bermakna penebusan mestilah mencipta semula habitat/spesies yang telah dimusnahkan. “Seperti yang lebih baik” pula bermakna dalam keadaan tertentu, penebusan juga dibenarkan dilaksanakan terhadap habitat/spesies dari jenis yang lain, yang dikatakan mempunyai nilai pemuliharaan lebih tinggi. Kedua-dua pendekatan ini akan melemahkan integriti alam sekitar, kerana pemulihan ekosistem hampir tidak pernah berjaya untuk mencipta semua habitat yang telah musnah. Sementara itu, sebarang penebusan bagi kehilangan habitat atau spesis dengan habitat atau spesis yang lain, boleh menyebabkan habitat atau spesis asal tersebut semakin berkurangan atau pupus sama sekali.

**KEHILANGAN YANG DIELAKKAN, ATAU PEMULIHAN, ATAU KEDUA-DUANYA SEKALI:** Kredit kepelbagaian biologi boleh dipadankan dengan tindakan mengelakkan kehilangan kepelbagaian biologi. Ini bermaksud, para pemilik sesebuah tanah itu mendakwa

bahawa mereka pada asalnya telah merancang untuk melaksanakan aktiviti yang akan merosakkan kawasan tersebut; namun begitu, kini mereka tidak akan berbuat demikian, setelah menerima pembayaran dari penjualan kredit kepelbagaian biologi di situ. Selain itu, kredit kepelbagaian biologi juga boleh dipadankan dengan tindakan pemulihan di sesebuah habitat. Berdasarkan pengalaman penebusan karbon, tindakan mengelakkan kehilangan ini adalah amat mudah sekali diputarbelitkan.

**EX ANTE VS EX POSTE:** bermaksud sebelum sesebuah hasil diperolehi (*ex ante*) berbanding dengan selepas hasil diperolehi (*ex poste*). Dalam konteks ini, secara teori, kredit atau penebusan kepelbagaian biologi sepatutnya dipadankan dengan pengeluaran sejumlah hasil positif yang telah dihitung, akibat dari sesebuah aktiviti pemuliharaan alam itu. Namun begitu, terdapat sesetengah skim kredit juga yang kini turut membenarkan pengeluaran kredit dijana sebelum penghitungan sebarang hasil positif dilakukan (*ex-ante*).

**PERKONGSIAN KEUNTUNGAN:** Kurangnya ketelusan dalam perkongsian hasil jualan kredit antara kesemua pemegang taruh adalah antara lumrah proses penebusan. Ini tentunya akan menyebabkan sebarang perkongsian keuntungan menjadi tidak adil. Perkongsian keuntungan yang mempunyai capaian awam mungkin dapat menyumbang terhadap akauntabiliti dan keadilan yang lebih baik. Apabila komuniti orang asal dan pemegang hak yang lain terlibat, maklumat juga harus dikongsi dengan cara yang bersesuaian dengan budaya mereka.

**TEMPATAN VS. KEBANGSAAN VS. ANTARABANGSA:** Penebusan kepelbagaian biologi di peringkat tempatan bermaksud tindakan pemulihan dilakukan di kawasan yang berdekatan dengan lokasi kemusnahan. Penebusan kepelbagaian biologi di peringkat kebangsaan atau antarabangsa pula membenarkan tindakan pemulihan berlaku di kawasan, negara atau benua lain. Namun begitu, dakwaan tentang ‘penebusan di peringkat tempatan’, boleh jadi amat bermasalah apabila tafsiran ‘peringkat tempatan’ itu sendiri ditakrifkan secara terlalu meluas, misalnya pada skala ekosistem, seperti hutan hujan tropika Amazon atau meliputi sesebuah wilayah politik seperti Kesatuan Eropah.<sup>1</sup>

**PERDAGANGAN PASARAN SEKUNDER:** Ini bermakna kebenaran untuk aktiviti pembelian dan penjualan kredit kepelbagaian biologi secara berulang kali tanpa had, untuk tujuan spekulasi harga masa depan mereka. Amalan ini



tidak akan menghasilkan membawa sebarang manfaat pemuliharaan alam dan harus diharamkan.

**KEWAJIBAN VS. SUKARELA:** Dalam pasaran kepelbagaian biologi yang diwajibkan di sisi undang-undang, pihak syarikat mesti mematuhi kewajiban untuk 'menebus' semula kerosakan yang telah mereka lakukan. Ini menjamin permintaan terhadap kredit seperti ini akan terus wujud, ekoran tuntutan undang-undang. Ini

tentunya akan memastikan yang para promoter pasaran dan pelbagai pihak perantara di sektor kewangan akan sentiasa menerima habuan mereka. Oleh kerana penebusan kepelbagaian biologi ini pada hakikatnya adalah sebuah tindakan yang tidak bermakna, dan hanya akan menggalakkan lagi kemusnahan alam yang berterusan, pasaran wajib seperti ini, terutama sekali di peringkat antarabangsa, amatlah bermasalah.

## BAGAIMANA PULA DENGAN PANDANGAN KEROHANIAN, HAK DAN KEPERLUAN ORANG ASAL DAN PEMEGANG HAK YANG LAIN?

11

Kaedah seperti penebusan dan kredit kepelbagaian biologi meringkaskan kompleksiti alam semula jadi dan pelbagai cara hidup manusia yang hidup bergantung kepada, bersama dan sebagai sebahagian dari alam. Ia gagal mengambil kira pelbagai nilai alam serta sumbangannya terhadap manusia, yang dipupuk oleh pandangan hidup dan sistem pengetahuan manusia yang berbeza-beza. Menerjemahkan kepelbagaian ini ke dalam bentuk barangan yang boleh diperdagangkan, pada asasnya bertentangan dengan nilai-nilai alam yang dipegang oleh banyak komuniti, khususnya komuniti orang asal, yang melihat alam sebagai ibu, bukan sebagai barangan perdagangan.

Tambahan pula, penebusan dan kredit kepelbagaian biologi jarang sejajar dengan pendekatan pemuliharaan alam berasaskan hak asasi manusia. Hak komuniti orang asal, petani kecil, komuniti tempatan, wanita dan kumpulan lain yang terpinggir sering diketepikan, walaupun mereka

memainkan peranan penting dalam melindungi kepelbagaian biologi. Kebanyakan sistem kredit kepelbagaian biologi gagal melaksanakan kewajiban menghormati hak-hak asasi manusia dan tidak mengandungi sebarang jaminan perlindungan sosial. Paling tidak, penebusan dan kredit kepelbagaian biologi akan sentiasa memiliki risiko dipersoalkan keabsahannya. Paling buruk sekali, ia akan diakhiri dengan kehilangan pegangan hak komuniti, keuntungan yang dikaut oleh golongan elit dan peminggiran berterusan komuniti yang selama ini telah menguruskan ekosistem dengan kepelbagaian biologi yang paling tinggi.

Disebabkan kerumitan dan kos transaksinya yang tinggi, penebusan dan kredit kepelbagaian biologi berkemungkinan besar tidak akan mampu menjana sumber kewangan yang mencukupi, dengan cara yang bertepatan dengan keperluan dan waktunya, yang mudah dicapai oleh sesebuah kawasan dan komuniti yang paling memerlukan pembiayaan tersebut.

5 Takrifan 'tempatan' sedang digunakan secara luas oleh Panel Penasihat Antarabangsa mengenai Kredit Kepelbagaian Biologi (IAPB) / Perikatan Kredit Kepelbagaian Biologi (BCA) / perikatan Forum Ekonomi Dunia (WEF), perikatan utama yang mempromosikan penciptaan pasaran-pasaran kredit kepelbagaian biologi.

### DENGAN SETIAKAWAN



**PENULIS UTAMA:** Frédéric Hache / Green Finance Observatory. **PENULIS-PENULIS BERSAMA:** Lim Li Ching, Lim Li Lin dan Mirna Ines Fernández / Third World Network. **PENYUMBANG-PENYUMBANG:** Nele Marien / Friends of the Earth International, Jutta Kill / World Rainforest Movement, Heitor Dellasta / Global Youth Biodiversity Network, Valentina Figuera Martínez / Global Forest Coalition, Joanna Cabello / SOMO, Joshua Witchger / Indigenous Environmental Network, Tom Picken / Rainforest Action Network, Amelia Arreguin Prado / Forest Peoples Programme, Merel van der Mark / Forests & Finance Coalition, Theiva Lingam / Sahabat Alam Malaysia (SAM), Tamra Gilbertson, Emil Sirén Gualinga, Simon Counsell. **IMEJ:** Shutterstock. **REKA BENTUK:** OneHemisphere, contact@onehemisphere.se.

Penyalinan semula atau penyebaran semula atau sebahagian daripada mana-mana maklumat yang terkandung dalam penerbitan ini dibenarkan untuk kegunaan pendidikan atau lain-lain kegunaan yang bukan komersial, dengan syarat bahawa rujukan penuh mesti dibuat kepada tajuk penerbitan, tahun penerbitan dan pemilik-pemilik hak cipta penerbitan. Diterbitkan oleh: Friends of the Earth International. Semua hak terpelihara Hak Cipta © 2025, Friends of the Earth International, Amsterdam, The Netherlands – Creative Commons. Attribution-NonCommercial-Share Alike 3.0 Netherlands Licence.